



INTEGRITI
PKPS
PERBADANAN KEMAJUAN PERTANIAN SELANGOR

HONESTY + **INTEGRITY** = SUCCESS

ARTIKEL MINGGUAN

NO. ARTIKEL : BIL. 33/2024

**Buli Ditempat Kerja Melahirkan Budaya
Toksik**

UNIT INTEGRITI

PERBADANAN KEMAJUAN PERTANIAN SELANGOR

Tingkat 11, Wisma PKPS

Persiaran Perbandaran Seksyen 14

40675 Shah Alam

Selangor Darul Ehsan

No. Tel : 03-55192621

Email : integriti@pkps.gov.my

Buli Ditempat Kerja Melahirkan Budaya Toksik

Apa Itu Buli ?

Buli merupakan aktiviti **tingkah laku berulang yang agresif yang bertujuan untuk menyakiti** individu lain, secara fizikal, mental, mahupun emosi.



Budaya membuli ditempat kerja perlu dihapuskan.

Sebarang unsur **pembulian** yang berlaku di tempat kerja **harus dihentikan** dengan segera kerana ia bukan sahaja memberi **kesan buruk** kepada mangsa tetapi akan menjejaskan pekerja lain serta organisasi terlibat.

Profesor Madya, Fakulti Syariah & Undang-Undang (FSU), Universiti Sains Islam Malaysia (Usim), Dr Muzaffar Syah Mallow berkata, mangsa buli yang terlibat akan menghadapi **tekanan mental dan emosi yang kuat**.

Mangsa buli yang hanya berdiam diri terhadap apa yang diperlakukan terhadap mereka akan mula menghadapi **masalah kesihatan** selain kehidupan peribadi juga akan terjejas.

Mangsa akan mula **hilang minat terhadap kerja** dan ada juga yang akan terjebak dengan penyalahgunaan dadah, mula ketagih untuk merokok dan minum alkohol malah ada yang akan mencuba **membunuh diri**.

Isu atau masalah pembulian yang berlaku di tempat kerja ini tidak boleh dipandang ringan oleh mana-mana pihak. Adalah penting supaya setiap tempat kerja memastikan organisasi mereka bebas daripada isu atau masalah pembulian bagi mengelakkan kewujudan tekanan yang berpanjangan terhadap para pekerja mereka.

Buli tempat kerja bukan isu Baharu

Isu buli di tempat kerja bukan isu baharu malah hampir setiap tahun ia dilaporkan dan berlaku di setiap jenis sektor pekerjaan.

Kebiasaannya ,mangsa buli terdiri daripada golongan pekerja bawahan dan masih tidak banyak pengalaman serta dilakukan oleh pekerja lebih senior atau majikan.

Buli yang berlaku di tempat kerja ini boleh berlaku melalui pelbagai bentuk atau cara seperti **pembulian berbentuk fizikal**, pembulian berbentuk secara **lisan**, pembulian melalui proses **penulisan**, pembulian berbentuk **tekanan mental**, **psikologi** atau emosi dan lain-lain.

Dengan kewujudan teknologi komunikasi moden dan internet pada masa kini, pembulian juga boleh berlaku secara dalam talian seperti melalui telefon pintar, melalui media sosial dan email.

Kegiatan buli boleh berlaku dalam bentuk diskriminasi dan sebarang jenis gangguan seperti gangguan seksual.

Buli Ditempat Kerja Melahirkan Budaya Toksik

Terdapat pelbagai faktor yang boleh memberi ruang kepada kegiatan buli ini berlaku di sesebuah tempat kerja seperti **faktor usia mangsa, faktor jantina mangsa, faktor bangsa dan agama mangsa, faktor tahap pendidikan mangsa, faktor kedudukan dan pengalaman mangsa** di tempat kerja dan sebagainya.

Pekerja, majikan perlu bekerjasama

Dalam mewujudkan sebuah tempat kerja yang harmoni serta bebas daripada isu atau masalah buli, penting untuk semua pihak berkaitan terutamanya majikan dan pekerja itu sendiri untuk saling bekerjasama.

Dengan wujudnya sebuah tempat kerja yang harmoni serta bebas daripada isu atau masalah buli, ia dapat menjamin kesihatan serta keselamatan semua pihak di tempat kerja.

Jika kesihatan dan keselamatan seseorang pekerja itu terjamin fokus dapat diberikan terhadap sesuatu jenis pekerjaan sekali gus dapat meningkatkan produktiviti organisasi atau tempat kerja yang terlibat.

Selain itu, **majikan juga perlu lebih bertoleransi** dalam memberi tugas kepada seseorang pekerjanya termasuk tidak seharusnya membebani mereka dengan pelbagai jenis tugas di luar kemampuan.

Adalah penting juga pihak majikan merangka Petunjuk Prestasi Utama (Key Performance Indicator/KPI) yang lebih realistik serta sesuai dengan keadaan tempat kerja masing-masing.

Pihak majikan juga mesti memberi penghargaan atau pengiktirafan terhadap pekerjanya yang telah melaksanakan tugas kerja yang diberikan dengan baik.

Sebagai balasan, **pihak pekerja juga mesti melaksanakan sesuatu pekerjaan yang telah diamanahkan** dengan baik dengan tidak leka serta cuai terhadap tugas yang telah diberikan.

Pihak pekerja perlu menghargai segala kemudahan dan kepercayaan yang telah diberikan oleh pihak majikan kepada mereka.

Budaya tolerensi, kerjasama serta sifat faham memahami antara satu sama lain di antara **majikan dan pekerja** adalah amat penting bagi **mewujudkan sebuah persekitaran tempat kerja yang harmoni**, kurang tekanan serta bebas daripada kegiatan pembulian.

Mangsa buli di tempat kerja juga harus berani bersuara terhadap kegiatan buli yang dialami oleh mereka.

Sumber : mstar.com.my